AUTHOR: Hannah Norbaqga Syarul bhnews SECTION: NASIONAL PAGE: 2 PRINTED SIZE: 420.00cm²
REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 13,961.00 ITEM ID: MY0068863505



18 APR, 2026

Kadar bantuan tanam semula getah dinaikkan

Berita Harian, Malaysia



Kadar bantuan Program Tanam Semula Getah bagi Semenanjung dalam tempoh RMK13 dinaikkan daripada RM13,710 sehektar kepada RM20,000 sehektar. (Foto hiasan)

Kadar bantuan tanam semula getah dinaikkan

Inisiatif dijangka manfaat 33,000 pekebun kecil, mula dilaksanakan pada tahun ini

Oleh Hannah Norbaqga Syarul
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kadar bantuan Program Tanam Semula Getah bagi Semenanjung dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) dinaikkan daripada RM13,710 sehektar kepada RM20,000 sehektar.

Bagi Sabah pula, kadar bantuan dinaikkan daripada RM14,805 sehektar kepada RM23,000 sehektar, iaitu peningkatan sebanyak RM8,045 sehektar, manakala kadar bantuan Sarawak sudah diumumkan pada Mac lalu dengan kadar baharu RM23,000 sehektar berbanding kadar lama RM14,805.

Timbalan Perdana Menteri Menteri yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata peningkatan itu dibuat selepas meneliti secara menyeluruh peningkatan kos pembangunan kebun serta keperluan sebenar pada peringkat lapangan, berikutan suasana ekonomi global yang masih tidak menentu serta peningkatan kos input pertanian yang semakin menekan.

"Kadar baharu ini akan mula dilaksanakan bermula tahun ini melalui pembayaran secara lima ansuran yang lebih praktikal bagi membantu pekebun kecil mengurus pembangunan kebun secara lebih terancang dan berkesan.

"Langkah ini juga bertujuan mengurangkan beban kos permulaan yang menjadi kekangan utama kepada pelaksanaan tanam semula," katanya dalam satu kenyataan, di sini semalam.



Ahmad Zahid Hamidi

Mampu raih RM4,700

Ahmad Zahid berkata, sepanjang tempoh RMK13, inisiatif berkenaan dijangka memberi manfaat kepada kira-kira 33,000 pekebun kecil getah dengan sasaran keluasan tanam semula sebanyak 50,000 hektar atau purata 10,000 hektar setahun.

"Dalam jangka panjang, usaha ini diunjurkan mampu membantu pekebun kecil memperoleh pendapatan sekitar RM4,700 sebulan sekeluarga melalui hasil getah dan aktiviti ekonomi yang lain.

"Saya melihat kenaikan kadar ini mencerminkan komitmen berterusan kerajaan untuk terus membela, memperkasa dan memartabatkan masyarakat pekebun kecil getah yang menjadi tulang belakang ekonomi desa dan luar bandar," katanya.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

AUTHOR: Hannah Norbaqga Syarul bhnews SECTION: NASIONAL PAGE: 2 PRINTED SIZE: 420.00cm²
REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 13,961.00 ITEM ID: MY0068863505



18 APR, 2026

Kadar bantuan tanam semula getah dinaikkan

Berita Harian, Malaysia

SUMMARIES

Inisiatif dijangka manfaat 33,000 pekebun kecil, mula dilaksanakan pada tahun ini
Kuala Lumpur: Kadar bantuan Program Tanam Semula Getah bagi Semenanjung dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) dinaikkan daripada RM13, 710 sehektar kepada RM20,000 sehektar. Bagi Sabah pula, kadar bantuan dinaikkan daripada RM14,955 sehektar kepada RM23, ,000 sehektar, iaitu peningkatan sebanyak RM8,045 sehektar, manakala kadar bantuan Sarawak sudah diumumkan pada Mac lalu dengan kadar baharu RM23,000 sehektar berbanding kadar lama RM14,805.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.